

SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TOT) MPOB 2015



Ucapan Perasmian Seminar TOT 2015 oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| ● Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 2015 | 1 |
| ● Dari Meja Ketua Penyunting | 2 |
| ● Taklimat SKR kepada Pekebun Kecil Komoditi Mencapai Matlamat | 5 |
| ● Kenalilah... Pokok Kenaf | 7 |
| ● Kuiz Sawit | 9 |
| ● Sudut Teknologi Integrasi Kenaf dengan Sawit | 11 |
| ● Sembang Sawit | 13 |
| ● Sudut Kreatif Sawit | 14 |
| ● Sedutan Akhbar | 15 |
| ● Tahukah Anda? | 17 |
| ● Diari & Peristiwa | 18 |
| ● Berita Bergambar | 20 |
| ● Sudut Ekonomi | 23 |
| ● Peladang Jaya | 25 |
| ● Direktori MPOB | 26 |
| ● Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN) | 30 |



embaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) memainkan peranan penting dalam menjamin kesejahteraan industri sawit

negara. Pada setiap tahun, MPOB menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi untuk mengenengahkan teknologi dan perkhidmatan terbaharu hasil penyelidikan MPOB. Penganjuran seminar dan pameran teknologi yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D), menyediakan ruang interaksi dan memberi pendedahan mengenai peluang perniagaan melalui pengkomersialan teknologi dalam industri sawit kepada sektor perusahaan kecil sederhana dan industri.

Pada tahun ini, Seminar Pemindahan Teknologi MPOB diadakan pada 9 Jun 2015 di Ibu Pejabat MPOB. Perasmian seminar telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPIC) dan turut dihadiri oleh Pengerusi MPOB iaitu YB Dato'Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad.

Sebanyak 23 teknologi dan inovasi serta 14 perkhidmatan baharu ditawarkan untuk dikomersial dan diguna pakai oleh pihak industri dan usahawan. Teknologi dan inovasi yang ditawarkan merangkumi pelbagai segmen seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 1*. Semua teknologi dan inovasi baharu turut dipamerkan di Seminar TOT ini.

Bersambung ke muka surat 2

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Dr Ahmad Kushairi Din

TIMBALAN PENERUSI
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Hj Zulkifli Abd Manaf
Raja Zulkifli Raja Omar
Ab Aziz Md Yusof
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

JADUAL 1. SENARAI TEKNOLOGI DAN INOVASI YANG DITAWARKAN PADA SEMINAR TOT 2015

| Segmen | Teknologi |
|-----------------------|--|
| Perlindungan Tumbuhan | <ul style="list-style-type: none"> • Produk Baja Kimia Ganocare untuk Kawalan Pencegahan Penyakit <i>Ganoderma</i> Sawit • Serbuk Formulasi <i>Phoma herbarum</i> sebagai Agen Kawalan Biologi Rumput Sambau (<i>Eleusine indica</i>) |
| Bioteknologi | <ul style="list-style-type: none"> • PS14: Populasi Biakbaka Sawit Terpilih dengan Isirung Berprotein Tinggi • Kultur Tisu Baktris (Kaedah Kultur Cecair) • <i>Suresawit</i>TM VIR – Kit Diagnostik untuk Meramal Warna Buah Sawit |
| Biojisim | <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Karbonisasi Berterusan bagi Penghasilan Arang daripada Biojisim Sawit |

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Penglibatan pekebun kecil dilaporkan terus meningkat dari masa ke semasa selari dengan kepesatan industri sawit negara. Perkembangan ini dilihat melalui penambahan bilangan pekebun kecil dan keluasan penanaman yang terlibat dengan tanaman sawit. Sehingga Disember 2014, jumlah keluasan tanaman sawit di Malaysia telah meningkat kepada 5.39 juta hektar berbanding 5.23 juta hektar pada 2013. Sebahagian besar kawasan (3 316 862 ha atau 61.5%) telah diusahakan oleh pihak estet. Keluasan sawit yang diusahakan oleh pekebun kecil juga turut meningkat daripada 2.01 juta hektar pada 2013 kepada 2.08 juta hektar atau 38.5% pada 2014. Ia melibatkan kawasan yang diusahakan oleh pekebun kecil di bawah skim tersusun kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan beberapa skim kerajaan negeri atau agensi kerajaan (23.5%), juga pekebun kecil persendirian (15%) atau seluas 0.81 juta hektar.

Sehingga Jun 2015, bilangan pekebun kecil persendirian berlesen di negara ini berjumlah 217 679 orang. Mereka mengusahakan tanaman sawit seluas 852 459 ha. Bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil lagi pekebun kecil yang masih tidak atau belum berdaftar dengan MPOB untuk mendapatkan lesen. Besar kemungkinan disebabkan tanaman sawit mereka masih belum berhasil terutamanya mereka yang baharu menanam sawit, di mana pada peringkat ini mereka tidak diwajibkan memiliki lesen. Pihak Kementerian melalui MPOB meminta dan sangat menggalakkan pekebun kecil sawit (yang baharu menanam sawit atau yang telah sedia ada) supaya mendaftar dan memperoleh lesen yang sah dari MPOB. Pekebun kecil boleh berurusan di pejabat MPOB Wilayah di seluruh negara atau mana-mana pejabat MPOB (sila rujuk Direktori MPOB, Warta Sawit). Pekebun kecil juga boleh berurusan secara online melalui e-pelesenan pekebun kecil seperti tertera di laman web <http://www.mpob.gov.my>. Lesen ini diberikan secara percuma kepada pekebun kecil. Langkah ini bertujuan agar pengkalan data untuk pekebun kecil sawit negara dapat diperkemas dan ditingkatkan supaya maklumat yang disediakan menjadi lebih tepat. Selain itu, ia penting dalam membantu membuat perancangan dan seterusnya menyusun pelaksanaan sesuatu projek berkaitan untuk faedah pekebun kecil pada masa akan datang. Kerjasama daripada semua pekebun kecil sangat dialu-alukan.

Selain beberapa teknologi serta maklumat mengenai senario pasaran sawit yang dimuatkan dalam Warta Sawit kali ini, MPOB juga telah menganjurkan Semi-

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

nar Pemandahan Teknologi (MPOB Transfer of Technology Seminar 2015) yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor pada 9 Jun 2015. Ia merupakan acara tahunan bagi memperkenalkan teknologi dan perkhidmatan terbaharu dalam industri sawit. Selain itu, MPOB juga menganjurkan Kongres dwi-tahunan antarabangsa iaitu MPOB Palm Oil International Congress and Exhibition (PIPOC) di KLCC, Kuala Lumpur pada 6-8 Oktober 2015. Dalam Kongres ini, peserta didedahkan dengan beberapa teknologi terbaharu dalam industri sawit. Penyertaan pengusaha sawit termasuk pekebun kecil amat dialu-alukan, di mana mereka boleh mendapat faedah secara langsung atau tidak langsung melalui Kongres tersebut.



Sumbangan:
Hamdan Abu Bakar
(hamdan@mpob.gov.my)

Sambungan dari muka surat 2

- Penghasilan Pulpa Selulosa daripada Gentian Biojisim Sawit
- Skema Penggajian Batang Sawit untuk Menghasilkan Herotan Kayu Sawit Bergergaji Terkurang pada Proses Pengeringan
- Penghasilan *Xylooligosakarida* daripada Serabut Tandan Sawit Kosong Secara Rawatan Enzim

Pengilangan dan Pemrosesan

- Pengekstrakan dan Penghasilan Fitosterol Campuran Berasaskan Distilat Asid Lemak Sawit (PFAD)
- Sistem Penapisan Mikro dan Penapisan Ultra Bersepadu untuk Rawatan Penggilapan Efluen Sawit (POME)
- Pemisahan Minyak Sawit Premium Menggunakan Sistem Infra Merah Terdekat (NIR) Secara Berterusan

Tenaga Hijau

- Gliserolisis Asid Lemak untuk Penghasilan Ester Metil Asid Lemak
- Penghasilan Bahan Bakar *Pellet* Rendah Abu daripada Tandan Buah Kosong Sawit
- Formulasi Makanan Ayam Permulaan dan Penggemuk BR1501

Teknologi Oleokimia

- Pengubahsuaian Bentuk Fizikal MES daripada Pes kepada Serbuk Menggunakan Teknik Semburan Kering Tertutup

Produk Makanan Berasaskan Sawit

- Penulenan Asid Dihidroksi Stearik Berasaskan Sawit
- Bahan Berasaskan Sawit untuk Medium Lukisan Enkaustik
- Sapuan Coklat Diperkayakan dengan Tokotrienol
- Mayonis Berasaskan Sawit
- Puf PASTRI Majerin Berasaskan Sawit

Kesihatan

- Suplemen Kesihatan yang Diperkaya dengan Tokotrienol dan *Curcumin* dalam Bentuk Kapsul
- Krim Transdermal yang Diperkaya dengan Tokotrienol dan *Curcumin*



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (dua dari kiri) melawat pameran sempena Seminar TOT 2015.

Sebagai sebuah institusi penyelidikan, MPOB memberi tumpuan penting kepada bidang R&D dan sehingga kini, MPOB berjaya menghasilkan pelbagai teknologi dan inovasi baharu yang boleh dimanfaatkan oleh industri sawit termasuk peluang pengkomersialan teknologi oleh usahawan tempatan. Penyelidikan MPOB telah menghasilkan sebanyak 586 teknologi dan inovasi yang merangkumi sektor perladangan, bioteknologi, kejenteraan perladangan, tenaga hijau, pengilangan dan pemrosesan, biojisim, makanan dan oleokimia. MPOB turut menawarkan kepakaran teknikal dan kemudahan penyelidikan termasuk inkubator serta loji rintis bagi pemindahan teknologi kepada pihak industri dan usahawan tempatan. Dalam konteks ini, usahawan PKS dan industri disarankan untuk men-

Bersambung ke muka surat 4

Sambungan dari muka surat 3

jalin kerjasama dan membentuk perkongsian pintar dengan MPOB bagi memanfaatkan hasil kepakaran penyelidikan MPOB. Perkhidmatan yang dibangunkan oleh MPOB juga adalah untuk membantu pihak industri dan usahawan seperti penganalisis kimia dan kualiti yang dapat menyumbang kepada proses penambahbaikan dalam keseluruhan rangkaian nilai sektor sawit dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti sawit. Penglibatan industri dan usahawan dalam mengkomersialkan teknologi dan produk berkaitan industri sawit akan meluaskan penggunaan teknologi dan inovasi baharu sekali gus berupaya meningkatkan penghasilan dan kemajuan industri sawit negara.

Sempena Seminar TOT ini, MPOB turut melancarkan produk baru iaitu Kit *SureSawit*TM Vir dan penghasilan bahan bakar *Pellet* rendah abu daripada tandan buah kosong sawit. Hasil penyelidikan genom sawit MPOB telah mengenal pasti gen yang bertanggungjawab dalam pembentukan buah jenis *nigrescens* atau *virescens*. Penemuan gen ini telah membolehkan pembangunan asai diagnostik untuk membezakan sawit jenis *nigrescens* dan *virescens* di tapak semaian.

dan luar negara. Sempena seminar ini, MPOB telah membuat pertukaran empat kertas perjanjian (MOU) dengan Syarikat Omega Perantis Sdn Bhd, Allied Quat Sdn Bhd, Sterling Food Industries Sdn Bhd dan Tri Hat Technologies Sdn Bhd.

MPOB juga sentiasa menggalakkan para peserta seminar untuk mengambil dan mengkomersialkan teknologi yang ada. MPOB turut membantu mereka dalam menaik taraf kehidupan dan menyediakan jaringan perniagaan dalam bidang sawit. Seminar ini boleh meningkatkan penglibatan pengusaha kecil dan sederhana dalam meluaskan skop perniagaan. Cetusan idea oleh para pegawai penyelidik MPOB dengan peserta seminar membolehkan usahawan tempatan menerokai bidang baru seperti bidang perniagaan. Mereka didedahkan dengan pelbagai idea membolehkan mereka membuka minda untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Sempena Seminar TOT ini juga, MPOB telah mengadakan *Business Talk* iaitu program bual bicara yang bertajuk *Creating Sawit Business Opportunities*. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat mengenai geran dan kemudahan pembiayaan kepada para peserta. Para peserta turut mendapat manfaat melalui perkongsian kisah kejayaan oleh syarikat yang telah berjaya mengkomersialkan teknologi MPOB.



Program bual bicara sempena Seminar TOT 2015.

Teknologi ini akan membantu mempercepatkan aktiviti pembiakan sawit untuk membangunkan bahan tanaman jenis *virescens* yang mempunyai implikasi besar dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti penuaian tandan sawit yang secara langsung boleh mempertingkatkan hasil dan kualiti minyak sawit.

Dalam membangunkan sesuatu produk, MPOB juga menjalankan projek usahasama penyelidikan dengan pelbagai pihak dari dalam



Sumbangan:
Suraya Mohamad
(haz_suraya@mponb.gov.my)

TAKLIMAT SKR KEPADA PEKEBUN KECIL KOMODITI MENCAPAI MATLAMAT



Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menganjurkan Taklimat Skim Kadar Rata (SKR) kepada Pekebun Kecil Komoditi di wilayah

Sabah dan Selatan Semenanjung Malaysia pada September 2015. Siri taklimat SKR yang dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), buat julung kalinya telah mengumpulkan pegawai agensi, pegawai pengembangan serta ketua pekebun-pekebun kecil komoditi seperti sawit, getah, koko, lada hitam dan kenaf dari seluruh negara. Taklimat ini merupakan suatu usaha untuk menyebarkan maklumat dan memberi kefahaman mengenai SKR kepada para peserta untuk dipanjangkan kepada pekebun kecil komoditi lain di seluruh negara.

Siri taklimat ini telah dijalankan di tiga lokasi iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Kluang, masing-masing pada 14, 15 dan 29 September 2015. Taklimat yang telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, En N. Balu tersebut merangkumi ceramah dan dialog bersama pegawai kanan JKDM yang dibawakan khas dari Bahagian GST. Taklimat ini telah berjaya menarik seramai 340

peserta yang mewakili pelbagai agensi, antaranya MPOB, FELCRA, RISDA, LGM, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB) dan koperasi pekebun kecil.

SKR merupakan suatu kemudahan yang disediakan oleh kerajaan khusus untuk petani, nelayan dan penternak yang pendapatan jualan tahunannya di bawah RM 500 000 (justeru tidak disyaratkan berdaftar di bawah GST) untuk mendapatkan kembali sebahagian GST yang telah dikenakan ke atas pembelian mereka.

Di bawah SKR, setiap pekebun kecil yang berdaftar layak mengenakan caj tambahan sebanyak 2% ke atas hasil jualan mereka. SKR yang diperkenalkan kerajaan bertujuan mengurangkan kos pengeluaran pertanian yang ditanggung oleh pekebun kecil selepas pelaksanaan GST.

SKR dilihat mampu membela nasib golongan pekebun kecil dengan menawarkan pendapatan tambahan yang dapat digunakan bagi menampung kos GST yang ditanggung atas pembelian baja, racun, biji benih dan pengangkutan. Bagaimanapun, pekebun kecil yang ingin menyertai SKR perlulah mematuhi beberapa syarat kelayakan yang ditetapkan oleh JKDM, antaranya golongan tersebut tidak berdaftar dengan GST di samping menjadi ahli kepada agensi atau pertubuhan pertanian yang ditetapkan.



Pn Nurmildewati Tunjol dari JKDM (kiri) ketika menjawab soalan peserta program Taklimat SKR kepada Pekebun Kecil Komoditi di Kluang, Johor pada 29 September 2015.

Sambungan dari muka surat 5

Siri taklimat ini mendapat sambutan baik daripada pekebun kecil komoditi dan dilihat berjaya mencapai matlamatnya dalam membuka mata seterusnya memberi pemahaman kepada golongan pekebun kecil terhadap kemudahan SKR yang disediakan oleh kerajaan. Ini sekali gus membantu golongan pekebun kecil mengekal-

kan daya saing industri komoditi negara. Satu perkara yang perlu diambil perhatian daripada siri taklimat ini adalah rata-rata peserta bersependapat bahawa program seumpama ini perlu diperluaskan di peringkat akar umbi agar pekebun kecil komoditi mampu memperoleh kefahaman yang lebih jelas terhadap kemudahan SKR yang telah disediakan kerajaan.



Wakil persatuan pekebun kecil (kiri) mengajukan soalan ketika program Taklimat SKR kepada Pekebun Kecil Komoditi di Kota Kinabalu, Sabah pada 14 September 2015.



Para peserta mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pn Vathsala Seloam dari JKDM ketika program Taklimat SKR kepada Pekebun Kecil Komoditi di Sandakan, Sabah pada 15 September 2015.



*Sumbangan:
Balu Nambiappan
(balu@mpob.gov.my)*

KENALILAH... POKOK KENAF

Kenaf ialah sejenis pokok tropika yang berasal dari benua Afrika (*Rajah 1*). Kenaf atau nama saintifiknya *Hibiscus cannabinus L.* adalah sejenis tanaman yang berpotensi besar kerana batang dan kulitnya mempunyai serat yang berkualiti tinggi untuk menghasilkan pelbagai barangan. Antara tumbuhan sama yang dikategorikan dengan kenaf ialah kapas dan bendi. Tumbuhan ini sesuai hidup dalam pelbagai jenis iklim dan tanah. Ia dapat hidup dengan baik sekiranya berada dalam iklim yang panas dan tanah yang lembap. Namun begitu, tumbesaran pokok kenaf akan terbantut sekiranya suhu persekitaran di bawah 10°C. Kenaf ditanam melalui benih dan tumbuh agak perlahan pada bulan pertama penanaman. Ia akan tumbuh dengan cepat pada bulan berikutnya dan kadar pertumbuhan pokok akan menurun selepas berbunga.



Rajah 1. Pokok kenaf yang telah berbunga.

Antara keistimewaan tumbuhan ini ialah ia boleh menjangkau ketinggian sehingga 3.7 m - 4.3 m dalam masa empat minggu dan mudah dijaga kerana tanaman ini tahan serta tidak mudah diserang pelbagai penyakit. Antara kelebihan lain pokok kenaf ialah ia boleh dituai sekali gus dalam masa yang singkat. Kenaf juga boleh mencapai tempoh matang hanya dalam masa empat bulan sahaja (*Rajah 2*).

Selepas matang, kenaf akan diproses kepada gentian sebelum dijadikan produk seperti tali, guni, bahan binaan, plastik, barang kraf tangan, tilam dan lain-lain. Tanaman ini juga sesuai dijadikan makanan bagi haiwan ternakan daripada bahagian daun atau bahagian pokok yang lembut (*Rajah 3*).

Batang kenaf mengandungi dua jenis gentian yang sangat berguna iaitu gentian di bahagian luar dan dalam. Gentian bahagian luar atau dikenali sebagai gentian kulit mengandungi 40%



Rajah 2. Ladang kenaf.



Rajah 3. Daun kenaf dijadikan makanan haiwan ternakan.

berat daripada berat batang kering dan ukuran panjang gentian ini biasanya 2.6 mm apabila diproses. Gentian bahagian luar amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan asas dalam pembuatan kertas. Sementara itu, gentian di bahagian dalam iaitu gentian teras yang berwarna putih mengandungi 60% berat daripada berat batang kering. Apabila diproses, ia mampu menghasilkan gentian yang berukuran 6 mm. Gentian ini setanding dengan gentian yang diperoleh dari kayu keras di mana gentian jenis ini biasanya digunakan dalam penghasilan beberapa jenis produk kertas.

Gentian kenaf di negara ini mempunyai kualiti yang lebih baik berbanding negara lain memandangkan iklim Malaysia sesuai dengan pertumbuhan tanaman kenaf (*Rajah 4*). Malah gentian kenaf ini juga sudah diiktiraf oleh pakar

Sambungan dari muka surat 7

persijilan global, TUV SUD dan diuji di Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) serta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Tumbuhan ini bukan sahaja mampu menghasilkan gentian yang berkualiti malah turut dapat menampung beberapa sektor pembuatan lain seperti tilam dan perabot selain bertindak sebagai gentian penguat industri komponen plastik.

Kesimpulannya, tumbuhan kenaf mempunyai pelbagai kegunaan dan mempunyai potensi yang amat besar untuk dibangunkan. Penanaman kenaf mampu menyumbang kepada pendapatan eksport negara di samping dapat membantu ekonomi pekebun kecil secara tidak langsung. Oleh itu, usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilaksanakan bagi menggalakkan masyarakat di negara ini terus mengusahakan penanaman pokok kenaf.



Sumber: <http://khabarkini2.blogspot.com/2014/11/doktor-buka-kilang-tilam.html>



Sumber: <http://mykenaf.blogspot.com/2013/03/kaedah-penuaian-hasil-tanaman-kenaf.html>

Rajah 4. Gentian kenaf.



Sumbangan:
Nur Hana Basaruddin
(nurhana@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

“Dan tidakkah mereka memperhatikan, bahawa Kami (Allah) mengarahkan (awan yang mengandungi) air ke bumi yang tandus, lalu Kami tumbuhkan (dengan air hujan itu) tanam-tanaman sehingga haiwan ternakan mereka dan mereka sendiri dapat makan darinya. Maka mengapa mereka tidak memerhatikan?.”

(Surah As-Sajdah: 27)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **1 MAC 2016**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
Faks: 03-8920 2932
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100**

SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 60/(2)/MEI-OGOS 2015

1. Nyatakan dua teknologi baru yang diperkenalkan di bawah segmen Perlindungan Tumbuhan semasa Seminar TOT 2015.
 - i. PS14: Populasi Biakbaka Sawit Terpilih dengan Isirung Berprotein Tinggi
 - ii. Serbuk Formulasi *Phoma herbarum* sebagai Agen Kawalan Biologi Rumpuk Sambau (*Eleusine indica*)
 - iii. *SureSawit*TM VIR – Kit Diagnostik untuk Meramal Warna Buah Sawit
 - iv. Baja Kimia *Ganocare* untuk Kawalan Pencegahan Penyakit *Ganoderma* Sawit
 - a. i dan ii
 - b. ii dan iii
 - c. ii dan iv
 - d. iii dan iv

2. Antara berikut, yang manakah bukan kegunaan gentian kenaf?
 - a. Penghasilan produk kraftangan
 - b. Bahan asas pembuatan kertas
 - c. Penghasilan produk tali dan guni
 - d. Pembuatan bahan seramik

Bersambung ke muka surat 10



Sambungan dari muka surat 9

3. Apakah faktor yang mempengaruhi hasil batang kenaf?
 - i. Input pertanian yang bersesuaian
 - ii. Taburan hujan yang mencukupi
 - iii. Kaedah penjagaan tanaman mengikut amalan pertanian baik
 - iv. Kesuburan tanah
 - a. i dan ii
 - b. ii dan iii
 - c. ii dan iv
 - d. Semua di atas

4. Apakah fungsi emulsi minyak sawit dalam nuget sayuran?
 - a. Mempunyai tekstur yang diperlukan selain sedap
 - b. Meningkatkan jangka hayat nuget
 - c. Mengekalkan warna nuget
 - d. Mengikat bahan sayuran menjadi sehati di dalam nuget

5. Nyatakan amalan pengurusan kebun yang diamalkan oleh Peladang Jaya, Hj Kalam untuk mencapai hasil sawit yang optimum.
 - i. Kekerapan pembajaan yang dilakukan adalah sebanyak tiga kali setahun dengan kadar 3 kg/pokok.
 - ii. Kaedah pembajaan yang dilakukan adalah dengan cara menabur di seluruh kawasan terutama di lorong longgokan pelepah.
 - iii. Kawalan rumpai di kebun dilakukan secara manual menggunakan sebarang racun rumpai.
 - iv. Penuaian BTS dilakukan dua kali sebulan dan piawaian satu hingga dua biji relai di atas tanah sentiasa diamalkan.
 - a. i, ii, iv
 - b. i, iii, iv
 - c. i, ii, iii
 - d. Semua di atas

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

TAHNIAH! PEMENANG KUIZ SAWIT BIL. 59(1)/JAN-APR 2015

Nama Pemenang:

1. Hariatul Kiftiah Ab Jalil
2. Irni Nazila Nadzri
3. Norazfaniza Husin

JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 59(1)/ JAN-APR 2015

1. A
2. C
3. A
4. B
5. C

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI KENAF DENGAN SAWIT

Pengenalan

Kajian MPOB menunjukkan pelbagai jenis tanaman sesuai ditanam antara barisan sawit khususnya tanaman jangka pendek seperti tembikai, keledek, jagung manis, kacang tanah, pisang, betik, nanas dan sebagainya. Di samping itu, jenis tanaman bukan makanan juga turut dikaji untuk integrasi dengan sawit dalam usaha untuk mempelbagaikan pilihan jenis tanaman integrasi. MPOB juga telah melaksanakan satu kajian berkaitan penanaman kenaf secara integrasi dengan sawit (*Rajah 1*).



Integrasi kenaf dengan sawit sistem dua baris kembar.

Kenaf ialah sejenis tanaman tahunan tropika daripada famili *Malvacea* sama seperti bunga raya, bendi dan kapas. Tanaman ini boleh menghasilkan gentian semula jadi yang baik untuk industri berasaskan kayu. Ia juga sesuai ditanam untuk pengeluaran foder hijau sebagai makanan ternakan. Hasil kajian mendapati tanaman kenaf sesuai untuk diintegrasikan dengan sawit. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menerangkan aspek penting penanaman kenaf secara integrasi dengan sawit untuk pengeluaran batang kenaf sebagai sumber gentian semula jadi.

Penanaman dan Penyelenggaraan

Integrasi tanaman dengan sawit hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah amalan pertanian baik. Ia penting untuk mendapatkan pertumbuhan pokok dan hasil kenaf yang baik. Perancangan dan pelaksanaan amalan pertanian baik se-

cara teratur akan menjamin pulangan hasil yang baik daripada projek integrasi tanaman dengan sawit. Berikut adalah beberapa amalan pertanian baik yang disyorkan untuk penanaman kenaf secara integrasi dengan sawit bagi pengeluaran batang kenaf.

Pemilihan kawasan - Pemilihan kawasan penanaman yang tepat adalah faktor utama yang menentukan kejayaan projek integrasi kenaf dengan sawit. Pilihlah kawasan tanaman sawit yang baik. Tanahnya subur dengan keadaan bentuk muka bumi yang rata hingga landai. Tanah bersaliran baik dan tiada masalah air bertakung kerana kenaf tidak tahan dengan tanah yang bertakung air. Kenaf sangat sesuai ditanam di tanah mineral walaupun banyak ditanam di kawasan tanah BRIS yang berpasir.

Penyediaan tanah - Rumpai yang terdapat antara barisan sawit hendaklah dihapuskan dengan semburan racun rumpai sebelum membajak tanah. Kerja membajak tanah sebaiknya dilaksanakan sebanyak tiga pusingan. Iaitu dua kali membajak piring dan satu kali membajak putar bagi menghasilkan tekstur tanah yang baik untuk penanaman kenaf. Pengapuran bagi meningkatkan pH tanah boleh dilaksanakan setelah pembajakan yang pertama. Kapur jenis *Ground Magnesium Limestone* (GML) ditabur antara barisan sawit pada kadar 1-2 tan/ha. Ia akan digaulkan ke dalam tanah menerusi pusingan pembajakan yang seterusnya.

Penanaman - Penanaman mestilah dilaksanakan ketika musim yang sesuai. Jangan menanam ketika musim kemarau atau banjir. Kedapatan air sepanjang musim penanaman akan mempercepatkan tumbesaran pokok dan pengeluaran hasil batang kenaf. Untuk penanaman di ladang, gunakan biji benih yang bermutu tinggi. Contohnya biji benih kenaf yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN). Mutunya terjamin kerana proses penghasilan benih kenaf oleh LKTN telah mendapat pensijilan ISO 9001:2008. Varieti yang disyorkan ialah Kenaf V36. Biji benih kenaf perlu dirawat dengan racun kulat (*Benlate* pada kadar 3 g/kg biji benih) sebelum ditanam ke ladang. Biji benih yang telah dirawat boleh ditanam dengan menggunakan mesin penanam atau secara manual. Jarak penanaman biji benih yang disyorkan ialah 20-40 cm antara baris dan 5-10 cm di dalam baris. Kedapatan yang tinggi memberikan lebih hasil batang kenaf tetapi ia tidak berbeza secara statistik.

Sambungan dari muka surat 11

Pembajaan - Pembajaan asas hendaklah dibuat sebelum penanaman biji benih dilaksanakan. Kadar pembajaan asas yang disyorkan ialah 45 kg N, 45 kg P_2O_5 dan 45 kg K_2O sehektar. Ia boleh didapati dengan menggunakan baja sebatian hijau NPK 15:15:15 pada kadar 300 kg/ha. Pembajaan yang kedua hendaklah dilaksanakan ketika pokok berumur 30-40 hari selepas tanam. Kadar dan jenis baja yang sama boleh digunakan tetapi baja diserakkan secara rata di permukaan tanah. Pastikan plot tanaman kenaf bebas rumpai sebelum membaja.

Kawalan rumpai - Rumpai hendaklah dikawal supaya tidak menjejaskan pertumbuhan dan hasil kenaf. Kawalan rumpai di peringkat awal penanaman hendaklah dilaksanakan dengan berkesan supaya kawalan seterusnya menjadi lebih mudah. Sebaiknya racun rumpai pra-cambah seperti *Alacholor* disemburkan pada tanah selepas penanaman biji benih kenaf selesai dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mengawal pertumbuhan rumpai awal. Biasanya pertumbuhan rumpai dapat dikawal sehingga tempoh 1-2 bulan dengan penggunaan racun rumpai pra-cambah yang efektif. Kawalan rumpai yang seterusnya boleh dilaksanakan secara manual pada selang 3-4 minggu bergantung kepada keadaan pertumbuhan rumpai di plot tanaman kenaf.

Kawalan perosak dan penyakit - Tiada serangan perosak dan penyakit yang serius terhadap tanaman kenaf di ladang sawit. Hanya pemakan daun sahaja yang agak penting di peringkat awal tumbesaran pokok. Ia boleh dikawal dengan semburan racun serangga yang sesuai. Sementara itu, penyakit yang agak penting dalam penanaman kenaf ialah lecuh anak benih. Ia berlaku ketika pokok di peringkat awal tumbesaran akibat kelembapan yang tinggi di plot tanaman kenaf. Serangan akan menyebabkan batang-batang pokok kenaf muda lecuh dan pokok terbalik. Ia boleh dikawal dengan membuat semburan pencegahan menggunakan racun kulat yang sesuai.

Penuaian - Pokok kenaf boleh dituai ketika berumur 120 hari selepas ditanam ke ladang untuk pengeluaran batang kenaf (*Rajah 2*). Ia dituai dengan cara memotong pangkal pokok pada paras 5 cm dari paras tanah dengan menggunakan parang. Teknologi penuaian dengan menggunakan mesin penuai boleh digunakan jika kawasan penanaman berskala besar. Batang kenaf yang

telah dipotong hendaklah disusun serta diikat dalam kuantiti yang mudah untuk dipindahkan ke dalam lori untuk tujuan penjualan. Jika perlu disimpan di ladang, ia mestilah disusun dalam keadaan menegak. Elakkan dari tempat penyimpanan yang lembap.



Rajah 2. Pokok kenaf yang matang berumur 120 hari.

Potensi Hasil dan Pulangan

Hasil batang kenaf bergantung kepada beberapa faktor seperti jenis tanah, taburan hujan, input pertanian yang digunakan dan juga kaedah penjagaan tanaman. Walau bagaimanapun, hasil batang kenaf didapati lebih tinggi di lokasi yang menerima taburan hujan yang baik sepanjang musim penanaman kenaf. Taburan hujan yang mencukupi dapat mempercepatkan pertumbuhan tampang pokok kenaf untuk menghasilkan batang kenaf dan melewati proses berbunga. Hujan yang tidak mencukupi ketika peringkat tumbesaran pokok akan menyebabkan pokok kenaf cepat berbunga dan pertumbuhan tampang terhenti. Ini akan menyebabkan hasil batang kenaf merosot khususnya ketika musim kering atau kemarau. Oleh itu, penanaman kenaf hendaklah dilaksanakan pada musim yang tepat dan lokasi penanaman yang sesuai bagi mendapatkan hasil kenaf yang baik.

Penggunaan input pertanian khususnya baja yang berkualiti dan mencukupi juga merangsang pengeluaran hasil yang baik. Di samping itu, input pertanian lain yang membantu dalam pengeluaran hasil yang baik mestilah disediakan dengan kadar yang mencukupi. Penggunaan input ini hendaklah dikawal supaya penggunaannya adalah optimum. Penggunaan input yang optimum akan menghasilkan kos penanaman kenaf yang minimum. Dengan itu, pulangan bersih

Bersambung ke muka surat 13

Sambungan dari muka surat 12

daripada projek integrasi kenaf dengan sawit ini akan menjadi lebih baik. *Jadual 1* menunjukkan kos yang terlibat dalam melaksanakan projek integrasi kenaf dengan sawit. Kos integrasi kenaf dengan sawit dianggarkan berjumlah RM 3747/ha semusim. Jika pekebun kecil bekerja sendiri di ladang, maka kos yang ditanggung cuma RM 2242/ha semusim.

JADUAL 1. ANGGARAN KOS INTEGRASI KENAF DENGAN SAWIT (RM/HA/MUSIM)

| Input/kerja | Kos Input / Kontrak (RM) | Buruh | | Jumlah |
|------------------|--------------------------|--------------|----------|--------|
| | | Buruh (hari) | Kos (RM) | |
| Benih | 240 | | | 240 |
| Penyediaan tanah | 850 | | | 850 |
| Penanaman | | 5 | 175 | 175 |
| Pembajaan | 1 082 | 4 | 140 | 1 222 |
| Kawalan rumpai | | 12 | 420 | 420 |
| Kawalan perosak | 70 | 1 | 35 | 105 |
| Penuaian | | 21 | 735 | 735 |
| Jumlah kos | 2 242 | 43 | 1 505 | 3 747 |

Hasil daripada beberapa siri percubaan integrasi kenaf dengan sawit yang telah dijalankan di empat buah stesen MPOB mendapati min hasil batang kenaf segar ialah sebanyak 33.66 tan/ha. Manakala min hasil batang kenaf kering (ketu-har) ialah sebanyak 9.34 tan/ha semusim. Pen-


geringan di ladang akan menjadikan kandungan air batang menyusut kepada 25%. Ini menjadikan min hasil batang kenaf kering sebanyak 11.65 tan/ha. Batang kenaf kering dapat dijual pada harga RM 500 setan. Jualan hasil batang kenaf ini dapat memberikan pulangan kasar sebanyak RM 5825 atau RM 3583 sehektar semusim jika pekebun kecil bekerja sendiri di ladang.

Penutup

Integrasi kenaf dengan sawit didapati sesuai untuk dilaksanakan oleh penanam sawit. Pelaksanaan integrasi kenaf dengan sawit mengikut prinsip amalan pertanian baik dapat menghasilkan pertumbuhan pokok dan hasil kenaf yang baik. Tambahan pula, ia juga dapat mengurangkan kos penanaman kenaf melalui penggunaan input yang cekap dan berkesan. Dengan itu, pulangan daripada usaha integrasi kenaf dengan sawit akan menjadi lebih baik. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha perlu dilakukan pada masa hadapan khususnya bagi meningkatkan lagi hasil kenaf supaya pulangan kepada penanam menjadi lebih menguntungkan.



Sumbangan:
Raja Zulkifli Raja Omar
(rajazul@mpob.gov.my)





PUDING SAGU SAWIT



Bahan A:

- 1 cawan biji sagu dibasuh dan ditoskan
- 4 cawan air (ditambah sedikit pewarna kuning)

Bahan B:

- ½ cawan biji sagu
 - 2 cawan air (ditambah sedikit pewarna hijau)
- Sehelai daun pandan

Bahan kuah:

- Sebiji gula melaka
- ½ cawan gula pasir
 - 1 cawan santan sawit
 - ½ cawan air
 - ½ cawan susu cair
- Sehelai daun pandan dan sedikit garam
- } Masak hingga pekat
- } Masak hingga mendidih

Cara penyediaan:

1. Bahan A dan B dimasak berasingan.
2. Panaskan air dan masukkan biji sagu.
3. Kacau hingga masak dan tuang ke dalam bekas.
4. Hiaskan puding mengikut kreativiti.
5. Tuangkan kuah ke atas puding dan hidangkan.



Resipi disumbangkan oleh:
Hamidah Khalil

(Unit Pembangunan Insan dan Pengurusan Persidangan, MPOB)

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : MPOB PERLU PERINCIAN UNTUK PUSAT PENGUMPULAN, PEMBELIAN SAWIT SEGAR

Sumber : Utusan Borneo - 12 Mei 2015

BETONG - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memerlukan perincian untuk pusat pengumpulan dan pembelian tandan buah sawit segar seluruh Sarawak agar menghantar senarai terperinci penjual-penjual buah sawit kepada agensi itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, MPOB menetapkan sasaran sehingga penghujung tahun ini untuk memastikan kes kecurian buah sawit tidak berulang kerana setiap penjual dikenal pasti.

Menurutnya, MPOB memerlukan senarai penjual dan mengarahkan semua pusat pengumpulan dan pembelian tandan buah sawit segar mengemukakan kepada mereka maklumat tersebut bagi membantu mengesan kecurian buah sawit dan tidak hanya memaklumkan jumlah jualan seperti berlaku sebelum ini.

“Apabila kita mempunyai senarai penjual, kita dapat mengenal pasti sama ada pemegang lesen atau penjual, menjual lebih daripada dua tan sehektar tanah atau tidak.

“Kaedah ini dapat mengesan sekiranya terdapat unsur-unsur kecurian buah sawit, menerusi kajian maklumat membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan,” katanya kepada media selepas mengadakan lawatan ke salah sebuah pusat pengumpulan tandan buah sawit segar di Saribas, Kuching.

Ini antara pertukaran dasar dilaksanakan di Sarawak sahaja, implementasi kaedah ini akan mengetahui sama ada berlaku cubaan menjual buah sawit curi atau tidak.

Tambahnya, semua pihak diharap dapat bekerjasama mengatasi insiden kecurian buah sawit daripada berulang dan berterusan di negeri ini.

Tajuk : NUTELLA PERTAHAN GUNA BAHAN MINYAK SAWIT

Sumber : Berita Harian – 18 Jun 2015

PARIS - Ferrero, syarikat pengeluar coklat gergasi Itali yang mengeluarkan *Nutella*, menyatakan ia komited dalam mendapatkan bekalan minyak sawit secara bertanggungjawab dan sedar mengenai bahaya alam sekitar yang dihadapi.

Kenyataan itu susulan kecaman Menteri Ekologi Perancis, Segolene Royal yang mengesahkan syarikat itu serta menggesa orang ramai berhenti makan sapuan coklat hazel terkenal keluarga syarikat, sambil menyatakan ia menyumbang kepada kemusnahan hutan.

“Kita perlu menanam banyak pokok kerana berlaku pemusnahan hutan besar-besaran yang menjadi punca pemanasan global. Kita patut berhenti makan *Nutella* contohnya, kerana ia diperbuat daripada minyak sawit.

Ferrero mendapatkan hampir 80% minyak sawit daripada Malaysia.

Dua setengah tahun lalu, beberapa senator Perancis cuba mengenakan cukai 300% ke atas minyak sawit, menyatakan ia bahaya, menggemukkan dan penanaman pokoknya menjejaskan alam sekitar, namun langkah itu gagal.

Tajuk : PERLU LAKSANA MANDAT BIODIESEL

Sumber : Utusan Malaysia - 24 Julai 2015

KUALA LUMPUR - Kerajaan perlu melaksanakan mandat biodiesel bagi memastikan akses simpanan minyak sawit mentah (MSM) boleh digunakan, sekali gus membantu harga kembali pulih secara beransur-ansur. Ketua Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Prof Emeritus Datuk Dr Makhdzir Mardan berkata, komitmen terhadap program tersebut perlu melibatkan banyak pihak dengan diterajui Jabatan

Sambungan dari muka surat 15

Perdana Menteri, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Asli.

“Walaupun begitu, saya berpendapat harga MSM dijangka tidak akan menunjukkan sebarang petanda positif untuk pulih dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini, namun komitmen kerajaan terhadap pelaksanaan mandat biodiesel ini dapat memberi sedikit kelegaan kepada harga MSM.

Tajuk : SEKTOR BIOJISIM DIJANGKA SUMBANG RM 30 BILION KEPADA PNK

Sumber : Bernama Online - 31 Julai 2015

KUALA LUMPUR - Industri biojisim dijangka menyumbang tambahan RM 30 bilion kepada pendapatan negara kasar (PNK), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong.

Beliau berkata unjuran itu dibuat dengan mengambil kira aktiviti hiliran bagi sektor sawit sahaja.

Katanya berdasarkan Strategi Biojisim Negara 2020, Malaysia dijangka mengeluarkan kira-kira 80 hingga 100 juta tan biojisim kering setahun dari sekarang hingga 2020, unjuran yang akan mewujudkan peluang besar kepada aktiviti hiliran dalam industri biojisim.

“Bagi membantu mencapai objektif ini, kerajaan melalui pelbagai jabatan dan agensi memperuntukkan pelbagai insentif.

“Insentif itu untuk memenuhi keperluan sektor biojisim terutamanya dari segi pembiayaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk hijau dan teknologi canggih,” katanya.

Tajuk : SYARIKAT SWASTA DIPELAWA BINA KILANG SAWIT DI SARAWAK

Sumber : Bernama Online – 4 Ogos 2015

SIBU - Syarikat swasta dipelawa membina lima kilang sawit bebas, iaitu kilang yang tidak memiliki ladang, di Sarawak untuk menampung keperluan industri sawit di negeri ini yang pesat berkembang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Douglas Uggah Embas berkata setakat ini, tiada kilang sawit bebas dibina di negeri ini dan kebanyakan kilang yang beroperasi merupakan milik syarikat perladangan.

Bagaimanapun, katanya kapasiti kilang tersebut masih tidak dapat menampung keperluan industri sawit di Sarawak. Syarikat swasta yang berminat tidak disyaratkan untuk memiliki atau membuka ladang sawit, katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak di sini hari ini.

“Permohonan boleh dibuat sekarang kepada MPOB (Lembaga Minyak Sawit Malaysia) secara dalam talian. Selepas mendapat kelulusan, mereka diberi tempoh dua tahun untuk menyiapkan pembinaan kilang tersebut,” katanya. Beliau berkata kilang sawit bebas itu boleh membeli secara terus buah sawit daripada pekebun kecil di negeri ini yang sebelum ini menjual kepada kilang milik syarikat perladangan besar.

Tajuk : MPOB PANDANG SERIUS ISU KECURIAN BTS SAWIT

Sumber : Borneo Post – 4 Ogos 2015

SIBU - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memandang serius isu kecurian buah tandan segar (BTS) sawit dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab ke atas 77 pemegang lesen dan 12 lesen dibatalkan dalam Operasi Sawit Kenyalang 2015.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, satu lesen digantung dan 51 lagi diberi amaran pada Operasi Sawit Kenyalang bertujuan membanteras kegiatan kecurian BTS dan mewujudkan perniagaan sihat di kalangan pihak kilang, peniaga dan pekebun kecil.

“Hasil Ops Sawit Kenyalang 2015 bermula Januari hingga Julai, sebanyak 38.59 tan BTS dirampas dan dilupus dengan nilai RM 13 973.74,” katanya ketika ditemui pada Seminar Meningkatkan Produktiviti Industri Sawit Sarawak 2015 di sini semalam.

Tambah beliau, penguatkuasaan dan pelaksanaan kuota jualan BTS dua tan sebulan diteruskan dengan pemantauan dibuat melalui pemeriksaan rekod belian atau penerimaan BTS peniaga buah dan kilang buah, sementara pekebun kecil yang didapati menjual BTS melebihi had dikenakan surat tunjuk sebab.

TAHUKAH ANDA?

EMULSI MINYAK SAWIT SESUAI UNTUK NUGET SAYURAN DAN AYAM




Rajah 1. Nugget sayuran.

Nugget sayuran sudah lama dipasarkan secara meluas di beberapa negara seperti di Amerika, China dan India. Di Malaysia, nugget sayuran masih lagi di peringkat awal pemasaran dan belum mendapat sambutan secara meluas.

Sayur-sayuran membekalkan serat dan zat yang diperlukan oleh badan. Ia membantu mengekalkan penghadaman yang baik, terutama untuk kanak-kanak yang sedang membesar. Pengambilan sayur-sayuran di kalangan kanak-kanak adalah kurang kerana sayur-sayuran bukanlah makanan kegemaran mereka. Keadaan ini telah memberi inspirasi kepada MPOB untuk mencipta makanan yang berkhasiat yang digemari oleh kanak-kanak. Inspirasi ini telah mencekutkan penghasilan formulasi emulsi berasaskan minyak sawit untuk membuat nugget sayuran dan ia juga sesuai digunakan bagi nugget ayam yang memang digemari oleh kanak-kanak.

Rajah 2 menunjukkan kandungan protein, serat dan lemak/minyak dalam nugget berasaskan tauhu, tempeh dan gluten yang telah dibangunkan. Semasa membangunkan nugget sayuran, perbandingan dibuat dengan nugget ayam kom-

ersial. Formulasi bagi ketiga-tiga jenis nugget sayuran yang telah dibangunkan mengandungi serat dan protein yang lebih tinggi berbanding nugget ayam komersial yang hanya tinggi kandungan lemak/minyak.



Komposisi protein, serat dan lemak/minyak beberapa jenis nugget.

Pembuatan nugget sayuran dimulakan dengan membangunkan emulsi yang sesuai daripada minyak sawit. Emulsi ini berfungsi sebagai pengikat bahan sayuran menjadi sebati di dalam nugget supaya ia mempunyai tekstur yang diperlukan selain berkhasiat. Dengan kesesuaian minyak sawit di dalam emulsi ini, penggunaan lemak daripada lemak haiwan seperti mentega dan kulit ayam dapat dielakkan. Kajian uji rasa yang dijalankan kepada para pelajar berusia 7 hingga 12 tahun di sebuah sekolah di Bandar Baru Bangi, Selangor bagi nugget berasaskan soya dan gluten menggunakan emulsi ini amatlah menggalakkan. Ini kerana para pelajar ini tidak menyangka nugget yang diuji mengandungi sayur-sayuran seperti lobak merah, kentang, cendawan dan bayam. Keputusan ini sungguh membanggakan kerana lebih 90% daripada mereka menyukainya. Pembangunan emulsi berasaskan sawit ini bagi pembuatan nugget sayuran dan ayam dijangka dapat menggalakkan pengeluaran makanan menggunakan bahan semulajadi dan berkhasiat untuk memberi lebih pilihan kepada pengguna yang mementingkan kesihatan melalui amalan pemakanan yang sihat. Nugget sayuran dan ayam menggunakan emulsi berasaskan sawit amat sesuai untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berminat untuk meluaskan perniagaan mereka.



Sumbangan:
Rafidah Abd Hamid
(rafidah@mpob.gov.my)

DIARI & PERISTIWA

SEPTEMBER-DISEMBER 2015*

| Program/Kursus | Tarikh | Tempat | Sebarang pertanyaan, sila hubungi |
|---|-----------------------|---|--|
| SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB | | | |
| ZON UTARA | | | |
| Roadshow Promosi SKIM TBSPK/TSSPK dan Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) - Teknikal Sawit | 23/9/2015 | Sg Acheh, Seberang Perai Selatan (MPOB Wil. Utara) | Penyelaras Tunas Zon Selatan 1 Pn Nursuhana Dahari Tel: 07-789 1133 nursuhana@mpob.gov.my |
| Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil | 9/9/2015 | Balai raya Kg Degong, Langkap, Teluk Intan (MPOB Hilir Perak) | |
| Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil | 15/9/2015 | Plot Demo MPOB, Sg Kerang, Teluk Intan (MPOB Hilir Perak) | |
| Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi/Promosi Koperasi | 30/9/2015 | Dewan Tanjung, Rumah Rehat, MPTI (MPOB Hilir Perak) | |
| Promosi Koperasi dan Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) | 9/9/2015 10/9/2015 | Kulim, Kedah (MPOB Wil. Utara) Baling, Kedah (MPOB Wil. Utara) | |
| ZON TENGAH | | | |
| MAT Koperasi/Promosi Koperasi | 4/11/2015 | Bilik Mesyuarat PKNS Kuala Selangor, (MPOB Caw. Kuala Selangor) | Penyelaras Tunas Zon Tengah En Parthiban Kannan Tel: 03-8926 1854 parthiban@mpob.gov.my |
| | 5/11/2015 | Balai raya Ayer Tawar, Merlimau, Melaka (MPOB Caw. Melaka) | |
| ZON SELATAN | | | |
| Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil | 20/9/2015 | Rimba Terjun/Pangkalan Raja, Johor (MPOB Caw. Pontian) | Penyelaras TUNAS Zon Timur En Mohd Khairul Anwar Isnin Tel: 09-296 0580 khairulanwar@mpob.gov.my |
| | 17/9/2015 | Dewan Pelajaran PPK Rengit (MPOB Caw. Rengit) | |
| MAT Koperasi/Promosi Koperasi | 21/9/2015 | KPSM Kulaijaya Berhad | |
| | 29/9/2015 | KPSM Kluang Berhad | |
| | 29/9/2015 | KPSM Yong Peng Berhad | |
| | 25/11/2015 | KPSM Yong Peng Berhad | |
| | 17/12/2015 | KPSM Kluang Berhad | |
| 20/12/2015 | KPSM Kulaijaya Berhad | | |
| Lawatan Sambil Belajar | 22/10/2015 | Syarikat Baja F4, Pasir Gudang, Johor | |
| ZON TIMUR | | | |
| Kursus Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan | 22/9/2015 | Dewan Orang Ramai Kuala Krau, Pahang (MPOB Caw. Temerloh) | Penyelaras Tunas Zon Sabah 1 En Amran Arifin Tel: 088-493 700 amranarifin@mpob.gov.my |
| MAT Koperasi/Promosi Koperasi | 13/10/2015 | Maran/Temeloh/Bera, Pahang dan Besut, Terengganu | |
| Lawatan Sambil Belajar | 12/11/2015 | Syarikat Baja F4, Pasir Gudang, Johor | |
| ZON SABAH | | | |
| Kursus Sehari Pekebun Kecil | 8/9/2015 | Semporna, Sabah (MPOB Caw. Tawau) | |
| | 17/10/2015 | Nabawan, Sabah (MPOB Caw. Keningau) | |
| Kursus Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan | 10/9/2015 | Kg Merotai Besar (MPOB Caw. Tawau) | |
| Taklimat GAP/MSPO | 20/9/2015 | Dewan Kg Kuala Sapi (MPOB Caw. Beluran) | |
| | 16/9/2015 | Nabawan, Sabah (MPOB Caw. Keningau) | |
| | 15/10/2015 | Kemabong, Sabah (MPOB Caw. Keningau) | |
| | 11/12/2015 | Tambunan, Sabah (MPOB Caw. Keningau) | |

Sambungan dari muka surat 18

| Program/Kursus | Tarikh | Tempat | Sebarang pertanyaan, sila hubungi | |
|---|---------------------------|--|--|--|
| SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB | | | | |
| ZON SABAH | | | | |
| Lawatan Sambil Belajar | 8/9/2015 7/10/2015 | KKS Talisai IJM Beluran Tapak Semaian Borneo Samudera, Sabah | Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 En Shakir Alid Tel: 089-897 107 shakir@mpob.gov.my Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 En Arfan Johari Tel: 083-436 273 arfan@mpob.gov.my Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 En Khairul Abidin Tel: 085-427 166 khairul.abidin@mpob.gov.my | |
| ZON SARAWAK | | | | |
| Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil | 29/9/2015 | Dewan Kg Mongkos, Serian (MPOB Caw. Serian) | | |
| | 29/11/2015 | Dewan Mesra, Simunjan (MPOB Caw. Serian) | | |
| | 27/10/2015 | Sri Aman (MPOB Caw. Sri Aman) | | |
| | 12/11/2015 | Dewan Kemas Daro (MPOB Caw. Mukah) | | |
| | 25/11/2015 | Dewan Masyarakat Julau (MPOB Caw. Sarikei) | | |
| Kursus Sehari Pekebun Kecil/ Amalan Pertanian Baik (GAP)/ Promosi Koperasi | 19/9/2015 | Dewan Serbaguna Debak (MPOB Caw. Saratok) | | |
| | 17/10/2015 | Dewan Nyabor (MPOB Caw. Saratok) | | |
| | 14/11/2015 | Stesen Bersepadu Pertanian (IAS), Layar, Betong (MPOB Caw. Saratok) | | |
| | 5/12/2015 | Dewan Pahlawan Bungin, Betong (MPOB Caw. Saratok) | | |
| Taklimat GAP/MSPO | 9/9/2015 25/11/2015 | Pejabat KPSM Selangau Berhad Dewan Masyarakat Julau | | |
| MAT/Promosi Koperasi | 8/9/2015 | Dewan Kg Sibuluh (MPOB Wil. Sarawak) | | |
| | 22/9/2015 | Dewan Suarah Sri Aman (MPOB Caw. Sri Aman) | | |
| | 22/10/2015 | Dewan Masyarakat Serian (MPOB Caw. Serian) | | |
| | 17/10/2015 | Dewan Masyarakat Bintangor (MPOB Caw. Sarikei) | | |
| | 14/11/2015 | Dewan Masyarakat Selangau (MPOB Caw. Sibul) | | |
| Roadshow Promosi SKIM TBSPK/TSSPK dan Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) - Teknikal Sawit | 18/11/2015 | Pasai Siong Tengah (MPOB Caw. Sibul) | | |
| Lawatan Sambil Belajar | 8/9/2015 15/10/2015 | Kilang Sawit Serian, SEPOM (SALCRA) Tapak Semaian Unique Sdn Bhd, Sarikei | | |
| SENARAI KURSUS INDUSTRI ANJURAN MPOB | | | | |
| KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT | | | | |
| Wilayah Sabah | 8-10/9/2015 | Mengikut wilayah yang ditentukan | Norazman Mohd Yob Tel: 03-8769 4874 azmanyob@mpob.gov.my | |
| Wilayah Timur | 20-22/10/2015 | | | |
| Wilayah Selatan | 27-29/10/2015 | | | |
| Wilayah Sarawak | 3-5/11/2015 | | | |
| Peperiksaan (Semenanjung) | 28/10/2015 | | | |
| Peperiksaan (Sabah) | 18/11/2015 | | | |
| KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML) | | | | |
